

**Kedudukan Malaysia dalam laporan global naik
Utusan Online
24 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR 23 Mei - Kedudukan Malaysia dalam Laporan Membolehkan Perdagangan Global 2012 meningkat ke tangga 24 daripada 132 negara, berbanding berada di tangga 30 daripada 125 negara dalam laporan yang sama bagi 2010.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, mengikut laporan edisi keempat bertajuk 'Mengurangkan halangan rantaian bekalan' yang disediakan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), kedudukan terbaru itu meletakkan negara di kalangan 20 peratus negara utama yang kurang halangan aktiviti ekonomi.

Katanya lagi, laporan itu mengukur sesebuah ekonomi (negara) dalam membentuk institusi, dasar dan perkhidmatan bagi memudahkan aliran produk merentasi sempadan pelbagai negara.

Menurut laporan itu, Singapura, Hong Kong, Denmark, Sweden, New Zealand, Finland, Belanda, Switzerland, Kanada dan Luxembourg merupakan negara yang berada di kedudukan 10 tempat teratas dalam laporan tersebut.

Mengikut pecahan negara-negara Asia Pasifik, Malaysia naik dua kedudukan sekali gus meletakkannya di tempat keenam di kalangan negara rantau tersebut, mengatasi Taiwan di tangga ketujuh dan Korea Selatan (lapan).

Mustapa dalam satu kenyataan berkata, laporan WEF itu adalah berdasarkan empat kategori iaitu persekitaran perniagaan, akses pasaran, pentadbiran sempadan dan infrastruktur pengangkutan dan komunikasi.

"Untuk kategori persekitaran perniagaan pula, Malaysia merekodkan pencapaian terbaik di dalam kategori persekitaran perniagaan iaitu naik kepada kedudukan ke-30 berbanding laporan sebelum ini pada kedudukan 51.

"Ia disumbangkan oleh peningkatan dari keefisienan pasaran kewangan di kedudukan kelapan, kesan perniagaan daripada peraturan (11), persaingan domestik (13) dan hak pemilikan (24)," katanya.

Tambahnya, negara juga berada di tempat ke-20 dalam kategori infrastruktur pengangkutan dan komunikasi yang disumbangkan oleh keupayaan dan kualiti infrastruktur pengangkutan serta perkhidmatannya, perhubungan pemunggaran, kualiti infrastruktur pelabuhan dan indeks perhubungan perkapalan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm